

IHSAN KEPADA JIRAN TUNTUTAN ISLAM

Jiran merupakan antara individu yang paling hampir dengan kehidupan seseorang selepas ahli keluarga. Hubungan kejiranan bukan sekadar terbina kerana faktor kedekatan tempat tinggal, bahkan menjadi asas penting dalam membentuk keharmonian, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Menurut Kamus Dewan, jiran ialah orang yang tinggal berhampiran atau bersebelahan dengan rumah seseorang, termasuk mereka yang berada di sekeliling seperti di kiri, kanan, hadapan, belakang, atas atau bawah. Dalam perspektif Islam, hubungan kejiranan mempunyai kedudukan yang amat penting kerana setiap individu dituntut untuk memelihara hak jiran, berbuat ihsan, saling menghormati serta menghindari segala bentuk perbuatan yang boleh menyakiti atau mengganggu mereka. Justeru, kehidupan berjiran hendaklah dibina atas asas iman, ihsan dan akhlak yang mulia agar keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dipelihara.

Allah *Subhanahu wa ta'ala* telah memerintahkan hamba-Nya supaya berbuat ihsan kepada jiran. Firman-Nya:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ...

Maksudnya: “Dan beribadatlah kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua-dua orang ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh...”

JABATAN MUFTI SARAWAK (Surah an-Nisa' 4:36)

Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* juga memberikan perhatian yang besar terhadap hak jiran. Daripada Ibn ‘Umar *Radhiallahu ‘anhuma*, beliau berkata bahawa Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ، حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُهُ

Maksudnya: “Jibril sentiasa berpesan kepadaku supaya berbuat baik kepada jiran sehingga aku menyangka bahawa jiran itu akan dijadikan sebagai waris.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6015)

Maksud petikan hadis “**sehingga aku menyangka bahawa jiran itu akan dijadikan sebagai waris**” ialah Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* menyangka bahawa jiran akan diberikan bahagian daripada harta pusaka jirannya, disebabkan begitu banyaknya pesanan Jibril ‘*Alaihissalam* mengenai hak jiran.

Dalam hadis yang lain, daripada Abu Syuraih al-Khuza‘i bahawa Nabi Muhammad *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ

Maksudnya: “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 48)

Seorang Muslim bukan sahaja dituntut untuk melaksanakan ibadah kepada Allah *Subhanahu wa ta’ala*, bahkan keimanannya hendaklah diterjemahkan melalui akhlak dan muamalah yang baik terhadap manusia, khususnya mereka yang hidup berhampiran dengannya.

Ihsan kepada jiran mempunyai ruang yang luas. Ia bukan sekadar memberikan bantuan dalam bentuk material, bahkan merangkumi sikap mengambil berat, menghormati, menjaga perasaan, membantu ketika diperlukan dan berusaha memberikan manfaat kepada mereka sekadar kemampuan. Antaranya termasuklah bertanya khabar, menziarahi jiran yang sakit, membantu ketika

mereka ditimpa kesusahan, berkongsi makanan, mengucapkan tahniah ketika mendapat kegembiraan dan menyampaikan takziah ketika ditimpa musibah.

Ihsan juga termasuk menjaga kehormatan dan privasi jiran. Janganlah kita mencari-cari kesalahan mereka, membuka aib, menyebarkan cerita peribadi atau menjadikan kekurangan mereka sebagai bahan perbualan. Sebaliknya, kita hendaklah menjaga maruah mereka sebagaimana kita mengharapkan maruah kita sendiri dihormati.

Pada masa yang sama, tidak menyakiti jiran merupakan sebahagian daripada ihsan yang perlu dipelihara. Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُوْذِي جَارَهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah dia menyakiti jirannya.”

(Hadis Riwayat Muslim, no. 47)

Hadis ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya seorang Muslim hendaklah memastikan jirannya berada dalam keadaan aman daripada gangguan dirinya. Janganlah kita melakukan perkara yang boleh mengganggu ketenteraman, menyakiti perasaan, mencemarkan kehormatan atau mendatangkan kemudaratan kepada jiran.

Bahkan Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* memberikan peringatan yang tegas terhadap orang yang menyebabkan jirannya tidak berasa aman daripada gangguannya. Baginda bersabda:

وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ، قِيلَ: وَمَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الَّذِي لَا يَأْمَنُ جَارُهُ بَوَائِقِهِ

Maksudnya: “Demi Allah, dia tidak beriman. Demi Allah, dia tidak beriman. Demi Allah, dia tidak beriman.” Para sahabat bertanya, “Siapakah dia, wahai Rasulullah?” Baginda bersabda, “Orang yang jirannya tidak berasa aman daripada kejahatannya.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6016)

Oleh itu, ihsan kepada jiran merangkumi dua perkara utama, iaitu **mendatangkan kebaikan kepada mereka dan menjauhkan mereka daripada keburukan yang berpunca daripada kita**. Seseorang Muslim hendaklah berusaha memberikan manfaat kepada jiran, pada masa yang sama menahan diri daripada melakukan perkara yang boleh menyakiti atau mengganggu mereka.

Tuntutan berbuat ihsan kepada jiran juga tidak hanya terbatas kepada jiran yang beragama Islam. Hak berjiran tetap perlu dipelihara walaupun mereka berlainan agama, selama mana mereka hidup berdampingan dengan kita. Kita hendaklah berlaku baik, adil, menghormati hak mereka dan membantu dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak. Akhlak yang baik terhadap jiran bukan Islam juga boleh menjadi salah satu sebab terbukanya hati mereka untuk mengenali dan mendekati Islam, dengan izin Allah *Subhanahu wa ta'ala*. Hal ini kerana keindahan Islam bukan sahaja disampaikan melalui kata-kata, bahkan turut dizahirkan melalui akhlak dan perbuatan umatnya.

Dalam kehidupan berjiran, kita juga mungkin diuji dengan gangguan atau perkara yang kurang menyenangkan daripada pihak jiran. Dalam keadaan seperti ini, seorang Muslim hendaklah berusaha mengawal diri daripada membalas keburukan dengan keburukan. Allah *Subhanahu wa ta'ala* berfirman:

وَمَا يُلْقِيهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُلْقِيهَا إِلَّا ذُو حِظٍّ عَظِيمٍ

Maksudnya: *“Dan sifat-sifat yang terpuji ini tidak akan diterima dan diamalkan melainkan oleh orang yang sabar dan tidak juga akan diterima dan diamalkan melainkan bagi orang yang mempunyai bahagian yang besar daripada kebahagiaan di dunia dan akhirat.”*

(Surah Fussilat 41:35)

Ayat ini mengajar kita bahawa membalas keburukan dengan kebaikan memerlukan kesabaran yang tinggi. Oleh itu, sekiranya kita diuji dengan gangguan daripada pihak jiran, hendaklah kita bersabar, mengawal emosi dan mencari jalan

penyelesaian dengan penuh hikmah. Kesabaran tidak bermaksud membiarkan kezaliman berterusan, tetapi memilih cara yang terbaik dalam menyelesaikan masalah tanpa melampaui batas.

Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam* turut bersabda:

خَيْرُ الْجِيرَانِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِجَارِهِ

Maksudnya: “Sebaik-baik jiran di sisi Allah ialah mereka yang paling baik terhadap jirannya.”

(Hadis Riwayat at-Tirmidzi, no. 1944; Hasan)

Hadis ini memberikan gambaran yang jelas bahawa ukuran kebaikan seseorang dalam kehidupan berjiran bukan sekadar sejauh mana dia tidak mengganggu orang lain, tetapi juga sejauh mana dia mampu memberikan kebaikan kepada jirannya.

Inilah antara akhlak yang dicontohkan oleh Rasulullah *Sallallahu ‘alaihi wasallam*. Sebagai umat Baginda yang mencintai dan mengikuti sunnahnya, kita hendaklah meneladani akhlak Baginda dalam setiap bentuk muamalah sesama manusia. Akhlak yang baik terhadap jiran bukan sahaja menjadi sebab terpeliharanya keharmonian masyarakat, bahkan turut menjadi medan dakwah yang sangat berkesan.

Semoga Allah *Subhanahu wa ta’ala* mengurniakan kepada kita akhlak yang mulia, menjadikan kita jiran yang sentiasa berbuat ihsan, menjaga hak dan kehormatan jiran serta mampu membalas keburukan dengan kebaikan. Mudah-mudahan ihsan yang kita zahirkan kepada jiran menjadi sebab terpeliharanya keharmonian masyarakat, memperoleh keredaan Allah *Subhanahu wa ta’ala* dan menjadi wasilah tersebarnya keindahan Islam dalam kehidupan bermasyarakat.